

Perbandingan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Menurut Al-Qabisi dan Benjamin Samuel Bloom

Mohd Syaubari Othman¹ dan Mohd Ridhuan Mohd Jamil

^{1,2}Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan suatu transformasi di dalam sistem pendidikan di Malaysia pada abad ini selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Amalan pengajaran yang menerapkan KBAT ini telah melangkaui keseluruhan konsep kandungan mata pelajaran dengan difokuskan kepada beberapa teori KBAT khususnya taksonomi Bloom dan Lorin Anderson. Namun begitu, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang berteraskan kepada al-Quran dan as-sunnah, pelaksanaan elemen KBAT ini perlu diterjemahkan menerusi asas Falsafah Pendidikan Islam yang meletakkan kesempurnaan pendidikan akal sebagai teras utama di dalam memacu pembudayaan kemahiran berfikir ini. Kemunculan tokoh-tokoh seperti Al-Qabisi yang membicarakan secara menyeluruh pendekatan pengajaran yang bersesuaian untuk diintegrasikan dengan elemen KBAT. Untuk itu, kajian ini menggunakan proses penganalisisan secara analisis kepustakaan dengan mengemukakan perbandingan isi kandungan yang mempunyai kesamaan sinonim atau terangkum di dalam maksud konsep Al-Qabisi dalam konteks pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam dengan penghasilan taksonomi keperluan berfikir manusia oleh Bloom. Dapatan kajian ini menghasilkan nilai empat pengintegrasian konsep asas Al-Qabisi dan Bloom di dalam keperluan penerapan KBAT iaitu perancangan, permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Secara keseluruhannya, pelaksanaan PdP pendidikan Islam yang menerapkan KBAT seharusnya menitikberatkan proses dan falsafah pengajaran yang telah dibentuk oleh Al-Qabisi melangkaui amalan taksonomi KBAT yang telah dibentuk oleh Benjamin Samuel Bloom bagi memastikan nilai kefahaman, penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menepati kehendak yang ditetapkan berasaskan acuan Falsafah Pendidikan Islam.

Kata kunci: Pengajaran Al-Qabisi, Bloom, KBAT, Pendidikan Islam.

ABSTRACT

High-order thinking skills (HOTS) is a transformation in the education system in Malaysia in this century in line with the implementation of the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. The teaching practice that applies HOTS has gone beyond the whole concept of subject content by focusing on several theories of HOTS in particular the taxonomy of Bloom and Lorin Anderson. However, for Islamic Education subjects based on al-Quran and as-sunnah, the implementation of this element of HOTS needs to be translated through the foundation of Islamic Education Philosophy which places the perfection of mind education as the main thrust in driving the cultivating of thinking skills. The emergence of figures such as Al-Qabisi who thoroughly discuss teaching approaches that are suitable to be integrated with the elements of HOTS. To that end, this study uses the process of literature analysis by presenting a comparison of content that has synonymous similarities or is included in the meaning of the concept of Al-Qabisi in the context of teaching Islamic Education subjects with the production of taxonomy of human thinking needs by Bloom. The findings of this study produce the value of the four integrations of the basic concepts of Al-Qabisi and Bloom in the need for the application of HOTS, namely the planning, beginning, development and closing of teaching. Overall, the implementation of PdP Islamic Education that applies HOTS should emphasize the teaching process and philosophy that has been formed by Al-Qabisi beyond the taxonomic practice of HOTS that has been formed by

Benjamin Samuel Bloom to ensure the value of understanding, appreciation and practice by students meet the requirements set based on the mold. Philosophy of Islamic Education.

Keywords: *Teaching of Al-Qabisi, Bloom, KBAT, Islamic Education.*

1. PENDAHULUAN

Akal ciptaan Allah SWT merupakan pancaindera yang bersifat dalaman dan mempunyai kepelbagaian fungsi yang tersendiri. Untuk itu, asas agama Islam tidak menggalakkan masyarakat Islam untuk mengikuti atau menerima apa sahaja tanpa meneliti, menyelidiki atau mengkaji khususnya dalam perkara yang melibatkan akidah dan mengamalkan budaya bertaqlid kecuali ketidakupayaan akal untuk menjana pemikiran. Namun akal yang sihat dan berkualiti perlu digunakan sebaik mungkin bagi memahami, menjustifikasikan, menghayati dan memantapkan elemen akidah dalam diri setiap individu yang dinamakan muslim (Al-Shafi'i, 2010; Muhammad Rashidi & Mohd Faizul, 2013).

Maka menerusi perbincangan ini, terdapat kepelbagaian idea yang dikemukakan oleh sarjana sama ada daripada Islam dan barat. Pertembungan ini memperlihatkan nilai kesamaan dalam elemen metod, falsafah dan matlamat pengajaran, namun mempunyai asas yang berbeza apabila melibatkan panduan dan sumber bagaimana akal ini dapat digerakkan. Untuk itu, kajian ini mengkhususkan dari pandangan tokoh Al-Qabisi bagi sarjana Islam dan Bloom dan Anderson bagi sarjana barat. Penelitian pandangan yang dikemukakan ini, di analisis secara tersendiri dan seterusnya membentuk kesepaduan di antara kedua-dua model dengan sarjana Islam mendominasi arah aliran akal ini dilaksanakan.

2. KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Model Pengajaran Guru Menurut Al-Qabisi

Al-Qabisi merupakan tokoh ilmuan Islam dan pencetus kepada bidang Pendidikan Islam. Al-Qabisi telah melontarkan idea-idea dan pandangan berkaitan Pendidikan Islam melalui kitab penulisannya iaitu *Al-Risalah al-mufassalah li ahwal al-muallimin wa ahkam al-mualimin wal mutaallimin* (Al-Ahwani, 1955; Himmah, 2003). Al-Qabisi telah menghuraikan persoalan pendidikan secara lengkap dari pelbagai elemen seperti peranan masyarakat, ibu bapa, guru dan pelajar menerusi bidang pendidikan, kurikulum, objektif, kaedah, penilaian dan sikap guru yang dikategorikan menerusi kajian ini kepada tiga komponen utama iaitu permulaan, perkembangan dan penutup (Siti Salwa & Muhammad Zahiri, 2014).

Nama penuh Al-Qabisi ialah Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Muafiri al-Qairawani dan lebih dikenali dengan gelaran Al-Qabisi. Beliau dilahirkan di Qairawan pada tahun 935 Masihi bersamaan 324 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 1012 Masihi bersamaan 403 Hijrah. Al-Qabisi menguasai ilmu-ilmu asas seperti al-Quran, hadis, fiqah, bahasa Arab dan qiraat. Beliau belajar dan mengikuti pembelajaran dengan ramai ilmuan Islam, mempunyai minat yang tinggi untuk belajar dan memiliki keupayaan untuk menganalisis. Al-Qabisi memiliki sebuah sekolah yang diasaskannya sendiri bagi tujuan mengajar dan mempraktikkan ilmu sehingga lahir ramai ulama yang terkenal (Al-Jumbulati & al-Tuwaanisi, 2002; Himmah, 2003; Siti Salwa & Muhammad Zahiri, 2014).


Pengetahuan mengenai agama secara teori dan amali merupakan tujuan utama pendidikan menurut al-Qabisi dan pada kebanyakan pernyataannya menyeru agar sentiasa berpegang teguh kepada al-Quran dan dasar agama. Al-Qabisi menyatakan pengabaian dalam pendidikan berkemampuan menjerumuskan kepada kekeliruan dan keterbatasan pengetahuan. Matlamat

pendidikan menurut al-Qabisi adalah untuk penyediaan pelajar berpaksikan nilai agama dan berakhlak mulia (Al-Ahwani, 1955; Himmah, 2003). Berkata (Al-Qabisi, 1955) dalam kitabnya yang bermaksud:

Ada pun peranan anak kecil terhadap agama samalah seperti peranan agama ke atas bapanya. Oleh itu, apakah dibolehkan seorang bapa itu membiarkan anak kecilnya tanpa mengajar agama dan melalui pengajaran al-Quran akan dapat mengenali agama.

Bagaimana pun menerusi pandangan (Al-Ahwani, 1955; Himmah, 2003) menyatakan aspek pendidikan yang dibincangkan oleh al-Qabisi sebahagian besarnya memberikan fokus kepada pengajaran al-Quran, namun begitu konsep pengajaran yang diperkenalkannya mampu merentasi mata pelajaran lain seperti akidah, ibadah, sirah dan adab.

Berdasarkan kepada pemikiran dan konsep pengajaran al-Qabisi, penyelidik melihat terdapat banyak persamaan dengan pelaksanaan komposisi pengajaran bidang akidah terutama bagi peringkat sekolah rendah dan amat bersesuaian dijadikan model asas bagi kajian. Hal ini kerana kerangka teori yang dikemukakan merupakan elemen yang diguna pakai dan menjadi panduan untuk pembinaan pengajaran yang berstruktur, berkualiti serta berkesan di seluruh dunia pada masa kini. Ini dapat diperjelaskan berdasarkan rajah proses pelaksanaan pengajaran menurut al-Qabisi.



(Sumber: Al-Qabisi, 1955; Al-Ahwani, 1995)

Rajah 1. Pelaksanaan komposisi komponen pengajaran guru menurut al-Qabisi.

2.2 Teori KBAT Menurut Benjamin Samuel Bloom

Teori pengajaran KBAT yang dibentuk oleh Benjamin Samuel Bloom menerusi asas pemeringkatan pemikiran berdasarkan taksonomi. Taksonomi bermaksud satu set pembahagian yang distruktur dan disesuaikan atas kerangka yang telah ditetapkan (Bloom, 1956; Anderson *et al.*, 2001). Berdasarkan definisi lain, taksonomi merupakan sistem mengklasifikasikan objektif pendidikan dengan distrukturkan daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks, dari yang mudah kepada yang sukar. Penyusunan keseluruhan objektif pendidikan yang abstrak

kepada yang konkrit menerusi penyediaan kerangka bagi suatu penetapan maklumat memudahkan guru untuk menentukan tahap penguasaan pelajar (Kamaruzaman, 2012; Azrai, Othman & Dani, 2015).

Taksonomi Bloom ini telah diperkenalkan menerusi buku yang bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals. Handbook I: Cognitive Domain* pada tahun 1956. Taksonomi Bloom berasal dari idea seorang profesor ulung daripada University of Chicago, Prof. Dr. Benjamin Samuel Bloom. Ia merangkumi enam kategori utama dalam domain kognitif dengan bermula dari peringkat yang paling asas kepada peringkat yang kompleks iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan hierarki pemikiran tertinggi adalah penilaian. Taksonomi ini bertujuan untuk menyediakan sistem penstrukturan objektif-objektif pendidikan untuk membantu khususnya guru-guru, pentadbir, pakar-pakar profesional dan penyelidik untuk membincangkan masalah-masalah kurikulum, pembentukan pemikiran dan penilaian pendidikan dengan lebih jitu (Anderson *et al.*, 2001; Krathwohl, 2002; Gardner, 2014).

Taksonomi perlu disepadukan dengan pembuktian secara teoritikal dan empirikal. Untuk aspek pendidikan, elemen penstrukturan pengetahuan untuk mencapai objektif pendidikan adalah perlu dalam usaha memudahkan penilaian dengan lebih tepat, mudah dan berkesan. Soalan-soalan seperti: Apakah pelajar mendapat pengetahuan tersebut? Atau adakah pelajar memang benar mengetahui? Adakah pelajar mampu menilai sesuatu masalah dengan baik? merupakan pendekatan untuk mengembangkan pengetahuan pelajar melalui asas penstrukturan keupayaan berfikir yang jelas (Bloom, 1956; Anderson *et al.*, 2001; Piaget, 2001; Umesh, Tim Loreman & Chris, 2012).

Guru sering menganggap elemen kebolehan pengetahuan pelajar mempunyai pengelasan yang sama. Jika diteliti dengan lebih lanjut, terdapat perbezaan antara pelajar yang benar-benar mengetahui, benar-benar memahami dan yang boleh menilai sesuatu. Oleh itu, pewujudan satu sistem penstrukturan berasaskan standard (taksonomi) memudahkan guru untuk mendefinisikan penetapan objektif pendidikan, pembentukan kurikulum, instrumen penilaian dan ianya dapat disampaikan kepada pelajar (Krathwohl, 2002; Sefton Green & Bresler, 2011; Kamaruzaman, 2012; Azraai *et al.*, 2015).

Berdasarkan kajian oleh Krathwohl (2002) dan Azrai *et al.*, (2015) kepentingan taksonomi Bloom adalah bagi menentukan standard pengukuran yang jelas bagi item merentasi spektrum enam kategori. Setiap elemen dalam item aras mengikut peringkat taksonomi ini bermatlamat menghasilkan pembelajaran berasaskan keupayaan pelajar merentasi kandungan pelajaran dan mengadaptasi dalam konteks yang bersesuaian. Maka menjadi kemestian setiap dasar pendidikan mengandungi elemen-elemen seperti berikut


- a) Perincian bagi sesuatu kurikulum atau kursus perlu mempunyai maksud khusus dan matlamat pendidikan umum yang ditetapkan sebagaimana dasar pendidikan sesebuah negara atau negeri.
- b) Prosedur untuk penentuan kaedah pencapaian kepada objektif-objektif pendidikan, aktiviti-aktiviti dan penilaian sesuatu unit, kursus atau kurikulum.

2.3 Model KBAT Menurut Lorin Anderson

Pada tahun 1990, sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Lorin Anderson telah mengemaskini Taksonomi Bloom untuk memperkukuhkan taksonomi tersebut dengan mengambil kira perkembangan dalam bidang pendidikan dan psikologi abad ke-20. Dua perubahan yang paling jelas adalah penjenamaan aras taksonomi baru atau taksonomi yang disemak semula. Penjenamaan ini melibatkan penggunaan kata kerja berbanding taksonomi lama yang menggunakan kata nama dan perubahan kedudukan dua aras paling atas (Brookhart, 2010; Kamaruzaman, 2012). Perbandingan ini digambarkan berdasarkan Rajah 2.

Perubahan nama bagi kategori-kategori ini berasaskan pemikiran secara rasional adalah suatu proses yang aktif, maka penggunaan kata kerja adalah lebih tepat (Anderson *et al.*, 2001; Ragendran N, 2008). Kategori pengetahuan ditukar nama kerana pengetahuan adalah hasil pemikiran. Oleh yang demikian ia kurang sesuai dan telah digantikan dengan mengetahui. Kefahaman menjadi memahami dan sintesis menjadi mencipta bagi menggambarkan ciri pemikiran yang diwakili setiap kategori. Menilai pula didapati kurang kompleks daripada mencipta justeru diletakkan pada kategori lebih rendah (Rahil, Habibah & Kamariah, 2009; KPM, 2014; Azraai *et al.*, 2015).

Disebabkan oleh perubahan daripada kata nama kepada kata kerja (Krathwohl, 2002; Ragendran N, 2008; Vicky, 2013) telah mengelaskan kata nama sebagai asas kepada dimensi ilmu (jenis-jenis ilmu yang dipelajari) manakala kata kerja pula membentuk asas kepada dimensi proses kognitif (proses-proses yang digunakan untuk belajar). Terma-terma ini dibentuk untuk memudahkan guru mengenal pasti proses pembelajaran bersandarkan aras-aras dalam Taksonomi Bloom yang baru. Ini dijelaskan menerusi Jadual 1.



Rajah 2. Pengubahsuaian taksonomi Baru oleh Anderson.

Jadual 1 Jadual Taksonomi Kemahiran Berfikir


Dimensi pengetahuan	Dimensi proses kognitif					
	Mengingati	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Pengetahuan fakta						
Pengetahuan Konsep						
Pengetahuan Prosedur						
Pengetahuan Metakognitif						

Sumber: Anderson *et al.*, (2001); Krathwol, (2002)


3. PERBINCANGAN TEORI BLOOM & ANDERSON DENGAN MODEL PENGAJARAN AL-QABISI

Konsep keupayaan berfikir manusia khususnya pelajar memerlukan penganalisaan secara holistik dengan kerangka panduan berteraskan al-Quran dan sunnah. Namun realitinya, jalinan pengajaran dan pembelajaran lebih berorientasikan hala tuju yang dibentuk oleh sarjana barat. Ini tidak terkecuali bagi proses berfikir penggunaan falsafah pemikiran seperti Robert Marzano, Benjamin Samuel Bloom, Robert Ennis, Ruggiero, Lorin Anderson dan sebagainya telah diangkat sebagai hala tuju dalam asas pendidikan negara termasuk Malaysia. Untuk itu, perjalanan sistem pendidikan Malaysia yang berfokuskan taksonomi Bloom memperlihatkan keseluruhan proses bergerak seiring dengan konsep yang telah dibentuk oleh taksonomi dengan elemen pengaplikasian menjadi fokus utama.

Walau bagaimanapun elemen yang dihasilkan masih berfokuskan aspek kognitif tanpa memperlihatkan daripada jalinan sudut yang pelbagai. Maka, teori yang dibentuk oleh sarjana Islam yang berpaksikan pandangan Al-Qabisi berupaya melengkapinya model KBAT yang telah dihasilkan oleh Bloom dan Anderson. Elemen melengkapinya ini diperlihatkan dari aspek matlamat dan objektif pengamalan kemahiran berfikir ini untuk dilaksanakan. Model al-Qabisi menetapkan matlamat kepada objektif berfikir adalah menjadikan setiap insan mengenali hakikat dirinya sendiri bersendikan kepada lingkaran keyakinan yang mendalam kepada Allah SWT. Di sini paparan rajah yang menunjukkan aliran persamaan di antara teori Bloom & Anderson dan model al-Qabisi.



Rajah 3. Perbandingan pengajaran Al-Qabisi dan KBAT menurut Anderson.



Sumber: Al-Qabisi, (1993); Anderson *et al.*, (2001); KPM, (2014)

Rajah 4. Prosedur pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

4. KESIMPULAN

Perbincangan di antara pembentukan teori di antara Al-Qabisi dan Bloom & Anderson merumuskan kesepaduan pemikiran dapat dihasilkan sekiranya dinilai dari aspek penghasilan fokus keupayaan berfikir dengan diinterpretasikan secara berstruktur. Proses berfikir yang dilaksanakan secara sistematik berupaya membentuk pengaplikasian tindakan yang teratur dan mempunyai hala tuju yang tepat. Kemasukan matlamat kehidupan yang bersendikan aturan syariat telah menjadikan proses berfikir berada di dalam lingkaran nilai agama dan berupaya membentuk insan yang berkarisma dan bertauhidkan Allah SWT.

5. RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. Qahirah: Dar al-Bayan al-'Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Ahmad. (2006). *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994). (Mohd Ramzi Omar penterjemah). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994). (Mohd Ramzi Omar penterjemah). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Shāfi'i, Hasan Muhammad. (2010). *Lamhāt Min al-Fikr al-Kalāmī*. Qahirah: Dar al-Basair.
- Anderson, Lorin, Krathwohl, David & Airasian. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Pearson, Allyn & Bacon.
- Azraai Othman, Othman Talib & Dani Asmadi Ibrahim. (2015). Analisis dokumen silibus kimia organik matrikulasi berdasarkan Taksonomi Bloom. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)* 3(3), 2-11.
- Bloom, Benjamin. Samuel. (1956). *Taxonomy of educational objectives, - book 1, cognitive domain*. London: Longman Group Limited.

- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gardner, Howard. (2014). *Mind, Work, and Life: A Festschrift on the Occasion of Howard Gardner's 70th Birthday*. New York: Create Space.
- Himmah, N.M.Z. (2003). Pemikiran Pendidikan Ibnu Miskawih dan Al-Qabisi. *Relensinya dengan sistem pendidikan kontemporer*, IV(9), 21-29.
- H. Warul Walidin AK, M.A, Dr. (2003). *Kontelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Moden, Banda Aceh: Taufiqiyah Sa"adah & Yogyakarta: Suluh Press*.
- Ibrahim Abu Bakar. (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun: Falsafah dan klasifikasi ilmu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Kamaruzaman Moidunny. (2012). *Taksonomi Bloom: Perubahan yang diperlukan*. Genting Highland : Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah (DSKP), Pendidikan Islam Tahun 5 (KSSR)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krathwohl, R. David. (2002). *A revision of Bloom's taxonomy. Journal Theory into Practice*. 41(4), 212-218.
- Mohd Yusof Othman. (2012). *Isu-isu dalam ilmu dan pemikiran*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Muhsin Mahdi. (2014). *Falsafah sejarah Ibnu Khaldun: kajian tentang dasar falsafah ilmu budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Negara.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. (2013). Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi* 63:1, 31-3.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2008). Building The Human Capital In The 'Malakah' Concept Of Ibn Khaldun: A Historical Study Based On His 'Muqadimah'. *Jurnal Hadhari Special Edition*.
- Piaget, Jaen. (2001). *Studies in Reflecting Abstraction*. Hove, United Kingdom: Psychology Press.
- Sefton-Green, J. & Bresler, L. (2011). *Theories and histories: Creative learning and its contexts*. In J. Sefton-Green, P. Thomson, K. Jones, & L. Bresler (Eds.), *The Routledge international handbook of creative learning* (pp. 9-14). New York, NY: Routledge.
- Siti Salwa Md Sawari & Muhammad Zahiri Awang Mat. (2014). Harmonizing Al-Qabisy's View and Practice of j-QAF Programme in Malaysia Primary School. *Asian Journal of Management Science & Education*. Vol 3, No 1.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar. (2009). *Amalan Pengajaran Berkesan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Ragendran, Nagappan. (2001). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice. *The 9th International Conference on Thinking*, Auckland: New Zealand.
- Ragendran, Nagappan. S. (2008). *Teaching & Acquiring Higher-Order Thinking Skills: Theory & Practice*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Umesh Sharma, Tim Loreman & Chris Forlin. (2012). Measuring teacher efficacy to implement inclusive practices. *Journal of Research in Special Educational Needs* Volume 12, Issue 1, pages 12-21.
- Vicky Hutchin. (2013). *The EYPS; A Practical Guide for Students and Professionals*. London: Hodder Education.